

Unit Perhubungan dan Latihan Industri,  
Universiti Malaysia Perlis

Tuan/Puan,

**PENAWARAN PENEMPATAN PELAJAR PRAKTIKAL DI MSIB CORPORATE CONSULTANCY SDN. BHD.**

Merujuk perkara di atas, MSIB menawarkan peluang praktikal kepada para pelajar dari institusi pendidikan Tuan/Puan untuk menjalani latihan industri di syarikat kami yang beralamat di:-


**MSIB CORPORATE CONSULTANCY SDN. BHD.**

T3-03-03, Menara 3 Maju Link, Jalan Lingkaran Tengah 2, Bandar Tasik Selatan, 57000 Kuala Lumpur.  
(Bersebelahan dengan Terminal Bas Bersepadu Bandar Tasik Selatan)

No. Tel: 03-90553341

- 2) Antara bidang / jurusan yang diperlukan atau berkaitan adalah seperti:-
  - a) Pengurusan Perniagaan / Pejabat
  - b) Perakaunan, Audit & Percukaian
  - b) Perbankan, kewangan / pengurusan korporat
  - c) Lain-lain jurusan juga dialu-alukan.
- 3) Elaun yang ditawarkan bagi pelajar Sarjana Muda (Bachelor) adalah RM1,000- RM1,500 mengikut bahagian penempatan yang ditawarkan. Manakala pelajar Diploma adalah sebanyak RM500-RM700. Pengambilan penempatan pelajar praktikal ini adalah terbuka sepanjang masa.
- 4) Bagi para pelajar yang berminat boleh emailkan surat permohonan beserta Reply Form & Transkrip yang terkini kepada [career.msib@gmail.com](mailto:career.msib@gmail.com) untuk rujukan dan tindakan pihak kami.
- 4) Oleh itu, kami amatlah berbesar hati dalam menerima dan menyediakan penempatan latihan industri ini kepada para pelajar dari institusi pendidikan Tuan/Puan. Pihak tuan/puan boleh menghubungi saya secara terus untuk mendapatkan butiran lengkap atau sebarang pertanyaan di talian 03-90553341. Segala kerjasama dan keperihatinan dari pihak Tuan/Puan, saya akhiri dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian terima kasih.



Muhammad Asyraf bin Mohamad Soen  
Admin & HR Executive  
MSIB Corporate Consultancy Sdn. Bhd